

Latih 'polis digital' banteras jenayah siber

Dunia bergerak pantas ke arah pendigitalan dalam pelbagai bidang, termasuk ekonomi. Lantas, menjadi keutamaan kepada negara untuk memacu ekonomi berasaskan industri kepada dunia baharu, iaitu berasaskan digital menjelang 2030.

Pendigitalan ekonomi bukan sekadar keutamaan bagi Malaysia, tetapi menjadi fenomena baharu seluruh dunia. Kemunculan platform e-dagang, mata wang digital dan sebagainya, sudah mula diterima masyarakat kini.

Dalam perkembangan dunia berasaskan digital, jika diumpamakan operasi digital ini dalam bentuk teori ketulan salji (*theory of iceberg*), hanya empat peratus platform beroperasi masa kini adalah laman web yang mudah dilihat di permukaan atau *surface web*.

Sementara bahagian bawah, iaitu *deep web* (sesawang dalam) dan *dark web* (sesawang gelap) masing-masing mewakili 48 peratus jumlah operasi mereka.

Surface web atau sesawang permukaan adalah laman web biasa yang boleh dicari dan diakses bila-bila masa tanpa sebarang sekatan. Contohnya Google, Bing dan Internet Explorer serta laman web mudah akses lain.

Sesawang dalam pula merangkumi laman web yang mempunyai akses terhad seperti sistem data kerajaan, institusi perbankan, institusi kesihatan, keselamatan dan sebagainya.

Sesawang gelap merujuk aktiviti haram di dasar dan beroperasi secara salah dalam pelbagai sektor ekonomi. Antaranya berkaitan pelacuran, dadah, pengubahan wang haram, penyeludupan, ak-

tiviti subversif serta pelbagai aktiviti yang tidak diiktiraf dari sudut undang-undang lain.

Jumlah kedua-dua sektor ini 500 kali ganda lebih besar berbanding operasi laman web permukaan. Saiz sesawang dalam dianggarkan sekitar 7,500 terabit, manakala sesawang gelap sekitar 19 terabit.

Berdasarkan anggaran Kementerian Kewangan masa kini, saiz ekonomi gelap atau *shadow economy* di Malaysia adalah sekitar 21 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, iaitu kira-kira RM300 bilion.

Jumlah ini mungkin lebih besar kerana ia sukar dikenal pasti disebabkan beroperasi secara tersembunyi dalam talian menerusi platform sesawang gelap.

Sesawang gelap menjadi pilihan urusan urus niaga pasaran gelap disebabkan ia bersifat rahsia dan hanya boleh diakses individu tertentu. Motifnya menyembunyikan salah laku jenayah dan mengelak dihidu pihak berkuasa.

Kewujudan sesawang gelap juga menyumbang kepada lahirnya penjenayah digital masa kini melalui aktiviti scammer, pengubahan wang haram dan lain-lain aktiviti menyalahi undang-undang negara mahupun antarabangsa.

Seperti disebut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Razarudin Husin, berkaitan pengedaran dadah secara dalam talian menerusi sesawang gelap, aktiviti golongan ini sukar dibanteras kerana mereka menggunakan platform sulit khas bagi menjalankan aktiviti salah mereka.

Berkemungkinan, platform digunakan sering berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa bagi mengelakkan aktiviti mereka bocor dan dihidu pihak berkuasa.

Bagi memastikan selamat daripada godaman dan menjadi mangsa sindiket, kita mestilah sentiasa berwaspada dan ber-

jaga-jaga dalam menjaga data peribadi bagi mengelakkan data sulit khususnya berkaitan perbankan dan transaksi wang diceroboh.

Jika tidak berhati-hati, dikhuatiri kita berputih mata disebabkan tangan penjenayah digital yang menggunakan kepakaran merompak kita secara maya.

Pihak berkuasa juga perlu mempertingkatkan tahap keselamatan negara serta melatih pakar baharu yang boleh menjadi 'polis digital' yang mempunyai kompetensi tinggi menghadapi jenayah digital yang dijangka akan terus berkembang pesat.

Jika pasaran ekonomi digital terus berkembang seperti disasarkan kerajaan menjelang 2030, perkembangan jenayah digital juga diyakini terus berkadar dengan perkembangan itu pada masa mendatang.

Perkembangan ini boleh terus mengancam negara sama ada pada peringkat domestik ataupun antarabangsa.

Jika hal sebegini berterusan, tidak mustahil pada masa mendatang akan muncul penjenayah baharu yang boleh mengakibatkan implikasi besar terhadap hubungan negara pada peringkat antarabangsa.

Walaupun ada banyak hal berkaitan sesawang gelap secara mendasar bersifat negatif, terdapat juga perkara positif, terutama membabitkan urusan tertutup dan rahsia dalam urusan pengurusan seharian.

Kesan ledakan ekonomi digital yang semakin berkembang dalam tempoh penularan COVID 19 ini, kita harus lebih peka berhadapan dengan sesawang gelap yang terus berkembang pesat.

Dr Mohd Sobhi adalah Felo Penyelidik Kanan Institut Kajian Etnik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), manakala **Dr Mohd Faisal** adalah Pengarah Pusat Kajian Kemiskinan dan Pembangunan Pelajar Asnaf



Prof Madya
Dr Mohd Sobhi
Ishak



Dr Mohd
Faisal
Mustaffa